

Tel. No. 088 - 222337/222336/
222031/218201
Fax. No. 088 - 222557 / 215682



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH
Tingkat 3, 4 dan 5, Menara SDB
Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens
Km. 2,4, Jalan Tuaran
88646 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Rujukan : JPBW: JPBW. 99/63/Jld.42/(74)
Tarikh : 06 Mac 2018

Mayor
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
No. 1, Jalan Bandaran
88675 KOTA KINABALU

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan
Peti Surat 221
90702 SANDAKAN

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau
Peti Surat No. 412
91007 TAWAU

Pesuruhjaya
Lembaga Bandaran Kudat
Peti Surat No. 201
89058 KUDAT

Semua Pengerusi
Majlis-Majlis Daerah
NEGERI SABAH

Semua Pegawai Eksekutif
Lembaga Bandaran Kudat dan
Majlis-Majlis Daerah
NEGERI SABAH

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

PEKELILING LPPBD BIL. 3 /2018:

GARIS PANDUAN TEMPOH SAH KELULUSAN (VALIDITY PERIOD) PELAN PEMBANGUNAN DI NEGERI SABAH.

2/.....

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH

(2)

Rujukan : JPBW: JPBW. 99/63/Jld.42/(74)

Tarikh : 06 Mac 2018

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sila maklum bahawa Lembaga Pusat dalam mesyuaratnya No.2/1989 bertarikh 22 September 1989 memutuskan bahawa tempoh sah kelulusan pelan pembangunan adalah dua (2) tahun dan tempoh 2 tahun itu dikira telah bermula (*commence*) apabila penyediaan tapak telah siap sepenuhnya (*site preparation completed*). Manakala dalam mesyuarat Lembaga Pusat No.3/89 bertarikh 3 November 1989 telah memutuskan bahawa tarikh berkuatkuasa dasar tersebut adalah bermula 02 Oktober 1989.

3. Susulan daripada itu, Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa melalui mesyuarat No.2/2018 bertarikh 08 Mac 2018 telah menggariskan beberapa penambahbaikan berikut:-

- a) Tempoh sah kelulusan Pelan Pembangunan adalah dua (2) tahun;
- b) Bagi cadangan pembangunan yang telah tamat (*lapsed*) tempoh sah kelulusan namun belum memulakan kerja-kerja pembinaan, perlu mendapatkan semula ulasan teknikal daripada jabatan-jabatan teknikal yang berkenaan;
- c) Pembangunan dianggap telah dimulakan (*Commenced*) menerusi dua keadaan iaitu;
 - i). Daratan Kerja-kerja persiapan tapak (*site preparation*) termasuklah penambakan kawasan tebus guna (tanah paya), kawasan tepu bina, pemotongan (tanah-tanah tinggi) dan penanaman cerucuk telah siap sepenuhnya; dan
 - ii). Laut kerja-kerja penambakan dan penimbusan serta penanaman cerucuk telah siap sepenuhnya atau jika pembangunan tidak melibatkan penambakan atau penimbusan, maka penanaman cerucuk hendaklah siap sepenuhnya.
- d) Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah memastikan kerja-kerja pembinaan hendaklah selaras dengan pelan pembangunan yang telah diluluskan. Sekiranya terdapat perubahan di lapangan pindaan terhadap pelan tersebut hendaklah dilakukan dalam tempoh dua tahun berkuatkuasa dari tempoh sah kelulusan dan hendaklah diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan; dan
- e) Semua PBT hendaklah memastikan bahawa semua pelan pembangunan dan pelan bangunan hendaklah selaras dengan Pelan Pembangunan Interim (*Interim Development Approval-IDA*) yang telah diluluskan. Sila rujuk pekeliling LPPBD Bil.2/2018.

4. Sehubungan dengan itu, sukacita kiranya pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan dapat mematuhi ketetapan ini dan ianya berkuatkuasa dengan serta merta.

5. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan untuk melaksanakan ketetapan di atas amatlah dihargai.

3/.....

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH

(3)

Rujukan : JPBW: JPBW. 99/63/Jld.42/(74)
Tarikh : 06 Mac 2018

Sekian, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH ***
1 MALAYSIA : RAKYAT DI DAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN



(TPr. HAJI MURSIDI HAJI SAPIE)

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa

- sk 1. Setiausaha Kerajaan Negeri (untuk makluman)
Jabatan Ketua Menteri
KOTA KINABALU
2. Pengerusi (untuk makluman)
Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa
Merangkap
Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
Tingkat 4-6, 10, 11 dan 15-18
Wisma Innorprise, Jalan Sulaman, Teluk Likas
KOTA KINABALU
3. Semua Ahli Lembaga Pusat Perancang Bandar (untuk makluman)
dan Desa, Sabah
4. Semua Edaran Dalaman (Untuk Makluman)

MHS/NH/mu

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH